



27.6.2023

Siaran Media 1:

Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 PBA Holdings Bhd (PBAHB)

**YAB TUAN CHOW KON YEOW**

Pengerusi, PBAHB dan PBAPP, dan Ketua Menteri Pulau Pinang.

**PBA HOLDINGS BHD: KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI RM77.12 JUTA DAN DIVIDEN AKHIR SEBANYAK 1.5 SEN SESAHAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2022**

PULAU PINANG, Selasa, 27.6.2023: Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 PBA Holdings Bhd (PBA 5041) telah meluluskan **dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.5 sen sesaham** bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2022.

Jumlah pembayaran bagi dividen peringkat akhir tunggal ini berjumlah RM4.96 juta dan ia akan dibayar kepada semua pemegang saham pada 28.7.2023.

Ini bermakna pembayaran dividen PBAHB untuk 2022 akan berjumlah 3.0 sen sesaham. **Harap maklumm bahawa 2023 menandakan tahun ke-22 berturut-turut di mana PBAHB memberi dividen kepada pemegang sahamnya.** Kami telah membayar dividen setiap tahun sejak tahun 2001.

Keuntungan selepas cukai (PAT) RM77.12 juta

Bagi tahun kewangan 2022, PBAHB melaporkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM77.12 juta.

**Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai (PBT) PBAHB hanya RM33.0 juta. Kira-kira RM49.0 juta daripada keuntungan selepas cukai pada tahun 2022 adalah terutamanya disebabkan oleh aset cukai tertunda yang diiktiraf untuk eluan pelaburan semula yang tidak digunakan setakat yang mungkin diambil kira.**

Anak syarikat utama PBAHB ialah PBAPP, operator bekalan air berlesen yang berkhidmat untuk Pulau Pinang. Harap maklum bahawa PBAPP mengenakan tarif domestik terendah di Malaysia pada tahun 2022 untuk 35,000 liter pertama sebulan. Purata tarif domestik PBAPP untuk 35,000 liter pertama sebulan hanya 32 sen setiap 1,000 liter, iaitu 141% lebih murah daripada purata nasional 77 sen setiap 1,000 liter pada 2020.

Bagi mengekalkan tarif domestik 32 sen setiap 1,000 liter, PBAPP terpaksa menyerap subsidi air domestik berjumlah RM103.71 juta pada 2022.



Oleh itu, saya fikir adalah adil untuk mengatakan bahawa PBAPP telah membuktikan ia sebagai salah satu operator bekalan air yang paling efisien di Malaysia pada tahun 2022. Selain beroperasi dengan menguntungkan, ia juga memenuhi komitmen tanggungjawab sosial korporat yang signifikan kepada Pulau Pinang dengan menyediakan subsidi air domestik untuk manfaat 585,740 pengguna air domestik.

### Tarif “Kategori Bukan Domestik” yang lebih tinggi sejak 1.1.2023

Pada 1.1.2023, PBAPP melaksanakan tarif bukan domestik yang lebih tinggi di Pulau Pinang, selaras dengan peraturan Kerajaan Persekutuan bertajuk “Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2022”. Seperti yang dinyatakan dengan namanya, peraturan ini telah ditetapkan, diluluskan dan diwartakan sebagai peraturan Persekutuan oleh Kerajaan Persekutuan terdahulu pada Julai 2022.

**Pengebilan lebih tinggi untuk “kategori bukan domestik” pada 2023 akan meningkatkan hasil PBAHB pada 2023.** Walau bagaimanapun, PBAHB tidak mahu membuat spekulasi mengenai "potensi angka" untuk tahun kewangan 2023 kerana 3 sebab utama:

1. Kami tidak dapat memastikan sama ada tarif yang lebih tinggi untuk “kategori bukan domestik” akan memberi kesan kepada penggunaan air bukan domestik. Sekiranya syarikat dan organisasi di Pulau Pinang bertindak balas dengan kurang menggunakan air pada tahun 2023, impak semakan tarif akan berkurangan.
2. Pada 2022, penggunaan air domestik menyumbang 61.6% daripada purata jumlah penggunaan air sebanyak 868 juta liter sehari (JLH) di Pulau Pinang. Penggunaan domestik per kapita ialah 307 liter per kapita sehari (LKH). Pada suku pertama 2023, penggunaan air di Pulau Pinang meningkat kepada 876 JLH. Berdasarkan anggaran PBAPP, per kapita domestik telah meningkat kepada kira-kira 310 LKH.

Harap maklum bahawa tarif air domestik BELUM disemak. Sekiranya trend penggunaan air domestik yang tinggi berterusan, kemungkinan subsidi air domestik PBAPP akan melebihi RM103.71 juta untuk tahun kewangan 2023. Subsidi air domestik yang lebih tinggi boleh menyebabkan keuntungan selepas cukai yang lebih rendah daripada unjuran.

3. Sebagai sebuah syarikat tersenarai awam, PBAHB akan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia mengenai unjuran kewangan, termasuk unjuran hasil, keuntungan sebelum cukai dan keuntungan selepas cukai.

Jadi, PBAHB menantikan peningkatan pendapatan. Walau bagaimanapun, kami tidak akan memberikan sebarang unjuran kewangan. **Kita akan semak keputusan sebenar pada tahun 2024.**

#### “Insiden Sungai Muda” di Kedah yang Menjejasakan Bekalan Air di Pulau Pinang

Pada Julai 2022, banjir kilat di Kedah menyebabkan kekeruhan air mentah di Sungai Muda mencecah paras 3,000 NTU (unit kekeruhan nephelometric). PBAPP terpaksa menghenti tugas operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua kerana tidak dapat merawat air mentah dengan tahap kekeruhan melebihi 1,000 NTU dengan selamat.

Pada Mei 2023, pintu automatik yang rosak di baraj sungai di Kedah dilaporkan dibiarkan terbuka, menyebabkan paras Sungai Muda turun ke bawah 1.0 meter di muka sauk Lahar Tiang PBAPP. Ini menghalang PBAPP daripada mengabstrak air mentah dari Sungai Muda untuk rawatan di LRA Sungai Dua.

Kedua-dua kejadian itu asalnya dari Kedah. Kedua-dua kejadian menjejasakan bekalan air untuk kira-kira 450,000 pengguna air di Pulau Pinang.

Jelas sekali Pulau Pinang terlalu bergantung kepada Sungai Muda sebagai satu-satunya sumber air mentah utamanya. Sebagai satu pilihan untuk mengurangkan lagi satu risiko insiden Sungai Muda, fakta utama berikut boleh dipertimbangkan:

- **Pembangunan sumber air mentah untuk Pulau Pinang adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.** Perkhidmatan bekalan air juga dikawal selia oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Industri Bekalan Air 2006 (Akta 655) dan Akta SPAN 2006 (Akta 654).
- **Pulau Pinang mempunyai pilihan untuk meneruskan penyahgaraman, penuaian air hujan dan kitar semula air tetapi kosnya akan sangat tinggi.** Di Singapura, *Public Utility Board* (PUB) menggunakan ketiga-tiga teknologi ini untuk memastikan keselamatan air. Purata tarif untuk 35,000 liter penggunaan domestik pertama di Singapura ialah SGD2.74 atau RM9.42 setiap 1,000 liter. Di Pulau Pinang, kita membayar 32 sen setiap 1,000 liter pada 2023.

Kami tidak rasa rakyat Pulau Pinang bersedia untuk membayar 30 kali ganda untuk bekalan air mereka.

- **Walaupun Pulau Pinang memutuskan untuk meneruskan penyahgaraman, penuaian air hujan dan kitar semula air, kita masih memerlukan kelulusan Kerajaan Persekutuan untuk perancangan dan pembangunan projek, serta untuk pelaksanaan tarif air yang lebih tinggi.**



Ini adalah sebab utama mengapa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP meneruskan usaha menyiapkan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) bernilai RM1.2 bilion serta “Projek Air Pulau Pinang-Perak”.

#### MDEP dan “Projek Air Pulau Pinang-Perak”

Apabila siap sepenuhnya, MDEP akan menyediakan Pulau Pinang dengan “sandaran 1,000 JLH” apabila sesuatu berlaku di Sungai Muda. Penyiapan MDEP oleh Kerajaan Persekutuan sepatutnya “tidak membebankan Pulau Pinang” kerana ia bertujuan untuk disiapkan di bawah geran Persekutuan RM1.2 bilion, seperti yang diumumkan pada 2011.

Jika “Projek Air Pulau Pinang-Perak” berjaya, kami pada asasnya akan memanfaatkan sumber air mentah kedua sehingga 2050. Ini adalah inisiatif *Government-to-Government (G2G)* negeri.

Pada ketika ini, siapnya MDEP dan “Projek Air Pulau Pinang-Perak” menjadi pilihan yang paling rasional dan kos efektif untuk menangani keperluan dan risiko air Pulau Pinang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)